

# M'sia sesuai timba ilmu

**KOTA KINABALU:** Seorang cendekiawan Pakistan kagum dengan keamanan dan kestabilan yang terdapat di Malaysia dan menyifatkan negara ini sebagai tempat yang amat sesuai untuk melanjutkan pengajian.

Muhammad Iqbal Hashmi, penerima ijazah doktor falsafah dalam bidang kimia pada majlis konvoesyen keempat Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin berkata suasana aman yang terdapat di negara ini membolehkan para pelajar memberi tumpuan penuh terhadap pengajian.

"Malaysia begitu aman dan tenteram, jadi anda boleh menumpukan sepenuh masa kepada pelajaran," katanya kepada pemberita di sini selepas menerima ijazahnya daripada Canselor UMS, Tun Sakaran Dandai, yang juga Yang Dipertua Negeri Sabah.

"Secara khusus, saya amat sukaan Sabah kerana...keadaan di sini tidak banyak kelam kabut, pemandangannya juga cantik... (ini) membantu anda dalam memberi tumpuan kepada matlamat anda," katanya.

Muhammad Iqbal berkata pengajian yang diikutinya di UMS memerlukan banyak kesabaran, bekerja secara kumpulan dan penumpuan penuh.

Muhammad Iqbal memilih "Kandungan Logam Dalam Buah-buahan, Sayur-sayuran dan Kerang-kerangan Di Sabah Dan Kepentingannya Kepada Kesihatan Awam" sebagai topik disertasinya untuk mendapatkan ijazah itu.

"Saya dapati tidak banyak kajian yang dibuat tentang perkara ini di Sabah, ini sebenarnya satu bidang baru," katanya.

Muhammad Iqbal berkata beliau mendapat ilham untuk melanjutkan pelajaran di luar negara semasa bertugas dengan Suruhanjaya Tenaga Atom Pakistan lima tahun lepas.

"Semasa mencari-cari itu, saya temui laman web UMS dan saya tertarik dengan apa yang saya lihat, misinya dan beberapa perkara lagi. Lalu saya bertanya diri sendiri mengapakah saya tidak ke Malaysia, sebuah negara yang berhampiran, daripada pergi ke United Kingdom atau Australia?

"Dan apabila saya datang ke sini pada Jun 1999, saya dapat saya amat suka tempat ini. Saya suka belajar di UMS, kemudahan yang disediakan adalah baik manakala para pensyarah, dekan dan orang biasa yang saya temui di sini begitu ramah dan bergaul mesra antara satu dengan lain," katanya.

- Bernama